

ورتا فئرغن

Warta Penerangan



OGOS 2018





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras/Penyemak/Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Majlis Ibadah Korban JPM pupuk nilai persaudaraan	5
Hari Raya Aidiladha, 22 Ogos 2018	6
Peka dengan perkembangan semasa melalui Program RRP	6
Dunia kini hadapi cabaran “Berita Palsu”	7-8
Kerajaan Brunei-Thailand meterai ‘Letter of Transmittal’	8
Jabatan Penerangan dekati penduduk Kampung Bukit	9
Program Awasi Anak Kitani beri manfaat	10
Penerangan dekati penduduk Kampung Semabat dan Lepong Baru	11
Jabatan Penerangan terima lawatan peserta Kursus Kepimpinan Sarjan	12
Meningkatkan pengetahuan para penuntut mengenai ASEAN	13
Lindungi integriti bendera negara	14
Raja berjiawa rakyat serta pemedulian	15
Bendera koyak, luntur hendaklah diganti	16
Pendedahan mengenai ASEAN dalam kalangan pelajar	17
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
PMB membarigakan perkembangan serta usaha kerajaan	18
Para peserta PMB adakan lawatan ke Bangunan Lapau, JAIN	19
Pembarigaan Wawasan Brunei 2035 kepada para peserta PMB	19
Peserta PMB didedahkan dengan usaha pelbagaikan ekonomi	20
Program Sua Muka platform menyampaikan dasar kerajaan	20
Sentiasa mengingati Allah	21
Program RRP dekati remaja dengan perkembangan semasa	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	22-23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Majlis Ibadah Korban JPM pupuk nilai persaudaraan

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Masri Osman, Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Majlis dikendalikan bersama oleh Bahagian Ekonomi dan Kewangan, JPM; Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan pengagihan daging-daging korban ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; Juruaudit Agung; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum itu, majlis diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, yang serba sedikit menyentuh mengenai pengertian dan kelebihan dalam melaksanakan ibadah korban serta beberapa peristiwa bersejarah yang berkaitan.

Pada majlis tersebut, sebanyak enam ekor kerbau dan satu ekor kambing dikorbankan, disertai oleh 43 peserta.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti menyampaikan agihan daging korban kepada salah seorang penerima.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Daging-daging korban tersebut kemudiannya diagihkan kepada seramai 50 penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin sekitar Mukim Kota Batu.

Majlis diadakan setiap tahun sebagai tanda bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping untuk memupuk nilai persaudaraan dan ukhuwah islamiah dengan saling bantu-membantu di antara satu sama yang lain.



ANTARA ahli jawatankuasa yang bertugas dalam majlis tersebut.



Hari Raya Aidiladha, 22 Ogos 2018

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Ogos. - Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban pada Rabu, 10 Zulhijah 1439 Hijrah bersamaan 22 Ogos 2018 Masihi.

Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei semasa persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, setelah mendapat kurnia perkenan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, bulan Zulkaedah digenapkan menjadi 30 hari dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha akan diadakan 22 Ogos, bermula jam 7.30



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad juga hadir semasa persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama.

pagi di masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat seluruh negara.

Sementara itu, Ibadah Korban bolehlah dilakukan bermula selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha sehinggalah hari tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijah 1439H.

Peka dengan perkembangan semasa melalui Program RRP

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Ogos. - Bagi menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Dewan Anggerek, Sekolah Menengah Berakas (SMB).

Program persembahan khusus bagi golongan remaja, iaitu terutama bagi pelajar sekolah itu. Program RRP dihadiri oleh seramai 179 pelajar Tahun 9 dan 188 pelajar Tahun 10 sekolah berkenaan.

Taklimat kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nur Akram bin Noraini @ Bahrin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ketua Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamat.



TETAMU kehormat menyampaikan hadiah kepada pelajar yang menjawab kuiz dengan tepat.



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Mohammad Nur Akram bin Noraini @ Bahrin.

Dunia kini hadapi cabaran “Berita Palsu”

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Ogos. - Wakil Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu antara lain berkata bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan sekerja dari Thailand ke negara ini.

Pertemuan itu adalah sebagai wadah kerjasama di antara kedua buah negara, khususnya di bidang Media Penyiaran dan Penerangan untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan bidang penyiaran dan penerangan di antara kedua-dua belah pihak.

Beliau berucap demikian ketika mewakili delegasi Brunei Darussalam pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-16 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand di bidang Penyiaran dan Penerangan diadakan selama dua hari di Bangunan Jabatan Perdana Menteri.



WAKIL Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu semasa berucap.




SUASANA Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-16 di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand di bidang Penyiaran dan Penerangan.




SESI bergambar ramai.

Kerajaan Brunei - Thailand meterai 'Letter of Transmittal'

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Hernie Suliana Haji Othman



WAKIL Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam Thailand, Dr. Charoon Chaisorn menandatangani Letter of Transmittal pada Majlis Penutupan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Kali Ke-16.



PERTUKARAN Dokumen Letter of Transmittal yang ditandatangani pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Kali Ke-16 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah DYMM dengan Kerajaan Thailand di bidang Penyiaran dan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Ogos. Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand menandatangani 'Letter of Transmittal' pada Majlis Penutupan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Kali Ke-16 yang berlangsung selama dua hari di Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat tersebut membincangkan pelbagai agenda yang berhubung kait dengan bidang penyiaran dan penerangan di bawah Memorandum Persefahaman antara kerajaan kedua negara.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, selaku Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam.

Sementara Kerajaan Thailand ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perhubungan Awam (*Public Relations Department - PRD*), Dr. Charoon Chaisorn selaku Ketua Delegasi Thailand.

Jabatan Penerangan dekati penduduk Kampung Bukit

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Isnin, 27 Ogos. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Sua Muka atau dikenali dengan *Personal Contact* kali ini diadakan di kediaman Ketua Kampung Bukit, Awang Haji Muhammad Shadiqin bin Abdullah Janjam bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Ia adalah salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dalam usaha untuk meneruskan kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat Jabatan Penerangan dan Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Bukit dan Ahli-ahli MPK. Turut hadir ialah Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz.

Melalui program berkenaan, pihak jabatan memperkenalkan dan membarigakan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN', seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi 'InfoDeptBN' melalui Google Playstore bagi para pengguna Android dan App Store bagi para pengguna iOS.



ROMBONGAN Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat Jabatan Penerangan dan Cawangan Penerangan Daerah Tutong yang dialu-alukan oleh Ketua Kampung Bukit, Awang Haji Muhammad Shadiqin bin Abdullah Janjam.



ANTARA para penduduk kampung yang hadir.



SESI bergambar ramai.

Program Awasi Anak Kitani beri manfaat

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Selasa, 7 Ogos. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) bagi Mukim Rambai anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kemasyarakatan, Bahagian Kemasyarakatan dan Kenegaraan juga Cawangan Penerangan Daerah Tutong diadakan di Rumah Persinggahan Kerajaan Kampung Rambai.

Ia dianjurkan dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendirian Berhad.

Taklimat daripada JKDN, antara lain menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pantauannya.

Syarikat ITPSS dan BKN juga menyampaikan taklimat pada Program AAK tersebut.

Taklimat BKN menjelaskan mengenai keburukan dadah, di mana gejala penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Mereka juga turut mengongsikan maklumat dalam menghadapi anak-anak yang terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat ini.

Sesi soal jawab diadakan selepas taklimat bagi menguatkan lagi kefahaman para jempunan yang menghadiri program tersebut.

Program AAK diteruskan dengan menyaksikan Pameran Jabatan Penerangan, BKN dan JKDN.

Program itu diwujudkan bagi menambah serta meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah juga isu-isu keselamatan dalam negeri.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan juga Pengerusi Program, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar; Penghulu Mukim Rambai selaku



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit (tengah) selaku Penghulu Mukim Telisai hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani bagi Mukim Rambai, Tutong.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli semasa melawat salah satu pameran pada Program Awasi Anak Kitani.



ANTARA yang hadir pada Program AAK bagi Mukim Rambai, Tutong.

Pemangku Ketua Kampung Merimbun, Awang Khairul Nurul Arsyad bin Haji Abdul Malek; Ketua Kampung Benutan, Awang Haji Noralimin @ Ali bin Sulong @ Kalah; Pemangku Ketua Kampung Rambai, Awang Muhammad Murat bin Haji Muhammad Jamin serta para penduduk Kampung Rambai, Kampung Merimbun dan Kampung Benutan.

Penerangan dekati penduduk Kampung Semabat dan Lepong Baru

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

MUKIM BOKOK, Selasa, 14 Ogos. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Sua Muka (*Personal Contact*) kali ini diadakan di Rumah Panjang Kampung Semabat bersama Ketua Kampung Lepong Baru, Awang Ambol anak Bakit, berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Ini merupakan salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Jabatan Penerangan.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Lepong Baru serta Ahli MPK.



AWANG Mawardi bin Haji Mohammad semasa Program Sua Muka di Rumah Panjang Kampung Semabat bersama Ketua Kampung Lepong Baru berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK).



SALAH seorang penduduk mengajukan soalan semasa program tersebut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Lepong Baru, Awang Ambol anak Bakit.

Melalui program berkenaan, pihak jabatan turut memperkenalkan dan membarigakan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN' dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi 'InfoDeptBN' melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.



SESI bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Jabatan Penerangan terima lawatan peserta Kursus Kepimpinan Sarjan

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ogos. - Seramai 55 peserta Kursus Kepimpinan Sarjan Siri 01/2018 daripada Tentera Udara Diraja Brunei mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan bagi mempelajari dan melihat dengan lebih dekat fungsi serta tanggungjawab Bahagian Pelita Brunei, Pusat Rujukan Penerangan juga mempelajari gerak kerja simpanan gambar di Unit Fotografi.

Pada lawatan itu, para peserta kursus diberikan Taklimat di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan mengenai perkembangan dan kemajuan akhbar Pelita Brunei, galeri gambar Infofoto dan Pusat Rujukan Penerangan.

Taklimat-taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; Pegawai Foto, Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit dan Penyelia Pejabat Jabatan Penerangan, Dayang Mazanah binti Haji Suhaili.

Pada taklimat itu, peserta kursus juga menyaksikan tayangan video klip 'Ristaan Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun' dan video aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN'.

Para peserta kursus seterusnya menyaksikan Pameran Jabatan Penerangan dan melawat ke Bahagian Pelita Brunei, Unit Fotografi dan Pusat Rujukan Penerangan. Antara peranan utama Jabatan Penerangan adalah sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat serta berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu terkini dan memahami agenda media massa selaras dengan moto jabatan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.



TAKLIMAT-TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; Pegawai Foto, Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit dan Penyelia Pejabat Jabatan Penerangan, Dayang Mazanah binti Haji Suhaili.



LAWATAN ke Bahagian Pelita Brunei.



PESERTA Kursus Kepimpinan Sarjan Siri 01/2018 juga mempelajari gerak kerja simpanan gambar di Unit Fotografi.

Meningkatkan pengetahuan para penuntut mengenai ASEAN

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



BERGAMBAR ramai ketika di Sekolah Menengah Tanjong Maya semasa mengadakan Taklimat Kenali ASEAN.

TUTONG, Isnin, 13 Ogos. - Untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN, Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bagi Sekolah Menengah Tanjong Maya (SMTM) yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Seramai 384 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 didedahkan kepada maklumat asas berkaitan ASEAN dan peranannya dalam membangun negara-negara anggotanya, di samping untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness), selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti.

Selain dari prinsip utama ASEAN, para penuntut juga dikongsikan dengan profil kesepuluh negara-negara anggota ASEAN, seperti pengenalan asas, tempat-tempat menarik, dan juga makanan kebangsaan setiap negeri.

Taklimat Kenali ASEAN telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha Jawatankuasa Kecil Penerangan, dan seterusnya mengendalikan Kuiz ASEAN yang disertai oleh sepuluh penuntut.

Hadir pada jerayawara tersebut dan menyampaikan hadiah kepada peserta kuiz ialah Pengetua SMTM, Hajah Norzan binti Haji Meludin.



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.



PENGETUA Sekolah Menengah Tanjong Maya, Hajah Norzan binti Haji Meludin (kanan) menyampaikan hadiah kepada penuntut Tahun 9, Mohd. Hasrol Azril bin Abdullah Sharil yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Lindungi integriti bendera negara

Berita dan Foto: Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Ogos. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, terus berusaha dalam membarigakan serta meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan meneruskan lagi siri Jerayawara Penggunaan *Banner*, Bendera dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa, (KIGS), Kiulap.

Jerayawara tersebut antara lain bertujuan untuk menanam tanggungjawab menghormati, melindungi integriti bendera negara serta panji-panji Negara Brunei Darussalam pada setiap masa.

Antara perisian jerayawara termasuklah taklimat yang menyentuh mengenai tatacara betul dalam penggunaan *banner*, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin.

Turut hadir pada sesi taklimat tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



ANTARA pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Kiulap menghadiri sesi jerayawara tersebut.

Jerayawara diteruskan dengan tayangan video mengenai bendera negara dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Seramai 30 peserta terdiri dari pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Kiulap menghadiri sesi jerayawara tersebut.

Sementara itu, sesi soal jawab pada jerayawara berkenaan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Peguam Negara; Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.



JERAYAWARA diisikan dengan sesi soal jawab bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Peguam Negara; Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Raja berjiwa rakyat serta pemedulian

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Ogos. - Pemimpin Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang Raja berjiwa rakyat, bersifat pemedulian dan prihatin akan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduknya.

Bermula usia dari 21 tahun, Kebawah DYMM telah menyambung legasi pemerintahan paduka ayahanda baginda sehingga terbentuk negara yang begitu membangun dan maju jaya seperti yang kita kecapai ke hari ini.

Perkara tersebut antara perisian Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Kuliah, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).

Taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya juga menasihatkan bahawa '*trend selfie*' sekarang yang suka berswafoto, ia tidak salah asalkan kita menjaga tatasusila semasa kita berswafoto bersama Kebawah DYMM.

Turut ditekankan ialah tatacara pengibaran bendera Negara Brunei Darussalam yang betul dan menaikkannya pada waktu yang tertentu sahaja dan bukannya sepanjang tahun demi menjaga kualiti identiti negara kita.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di SM YSHHB.

Taklimat juga menyentuh mengenai jenis-jenis bendera yang terdapat di negara ini termasuk bendera rasmi peribadi dan orang-orang yang dikurniakan gelaran serta bendera jabatan kerajaan yang berpakaian seragam.

Seramai 55 pelajar Tahun 7 mendengarkan taklimat tersebut serta berpeluang menyertai kuiz sejourus selesai taklimat yang diberikan.

Antara yang hadir, Pengiran Anak 'Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah bin Pengiran Anak Haji 'Abdul 'Ali Yil-Kabier dan Pengiran Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar.



PENGIRAN Anak 'Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah bin Pengiran Anak Haji 'Abdul 'Ali Yil-Kabier dan Pengiran Anak Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar antara yang hadir pada Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Bendera koyak, luntur hendaklah diganti

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Selasa, 21 Ogos. - Bendera yang koyak dan luntur tidak boleh dinaikkan dan hendaklah diganti dengan yang baharu.

Apa jua tanda, perkataan, huruf, rajah, bentuk, lukisan atau lambang, selain daripada lambang yang ada pada masa ini tidak boleh diletakkan pada bendera.

Perkara itu ditekankan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya pada Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana, Cawangan Mata-Mata.

Dalam taklimatnya, beliau juga menyentuh mengenai Raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Pada taklimat tersebut para penuntut juga menyaksikan klip 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta klip video Aplikasi Mudah Alih 'InfoDeptBN'.

Mereka juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh jabatan tersebut. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan Taklimat Kenegaraan.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz Kenegaraan.

Turut hadir pada program tersebut ialah Pengetua Sekolah, Dayang Gazala binti Abdullah, tenaga pengajar sekolah dan seramai 176 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.



ANTARA penuntut yang mendengarkan taklimat tersebut.

Pendedahan mengenai ASEAN dalam kalangan pelajar

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Khamis, 16 Ogos. - Bagi membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas ASEAN dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah di negara ini, Jerayawara Kenali ASEAN diteruskan lagi di Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Bukit Beruang.

Taklimat Kenali ASEAN berlangsung di dewan sekolah berkenaan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI.


Hadir pada program tersebut ialah Pengetua SMSO, Dr. Vincent Andrew, dan tenaga-tenaga pengajar sekolah.

Seramai 343 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 didedahkan kepada maklumat asas ASEAN dan negara-negara anggotanya, termasuk sistem pentadbiran, tempat-tempat menarik, dan juga makanan kebangsaan di setiap negara.

Pada akhir taklimat, seramai 10 penuntut menyertai Kuiz ASEAN dan menerima hadiah masing-masing yang disampaikan oleh Dayang Mufidah.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim mengendalikan Kuiz ASEAN yang disertai oleh 10 penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Othman.



PARA penuntut diberikan peluang membacakan profil negara-negara anggota ASEAN pada Jerayawara Kenali ASEAN Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

Peristiwa penting Jabatan Penerangan

PELITA Brunei keluaran 6 Ogos 2003, Jabatan Penerangan menghargai kerjasama pelbagai pihak dalam sama-sama memeriahkan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57.

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 23 Julai. - Jabatan Penerangan menghargai kerjasama pelbagai pihak dalam sama-sama memeriahkan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang-pemenang Kuiz Pentarama anjuran Jabatan Penerangan yang dikendalikan melalui Kristal FM 90.7 bermula 13 hingga 18 Julai lepas sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan

Kerjasama semua pihak dihargai

Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini. Dalam majlis itu, beliau merakamkan penghargaan kepada para penaja yang telah menyumbangkan hadiah-hadiah kepada pemenang kuiz, di samping lain-lain tajaan dan kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak dalam mengendalikan Pentarama pada tahun ini. Beliau menyampaikan hadiah kepada 12 pemenang, sumbangan berupa buah restoran dan hotel berupa bawcer makan untuk dua orang di Riverview Hotel, dua hadiah bawcer makan bersama keluarga di Restoran Hariza, bawcer makan untuk dua orang di Riverbank Cafe, Riverview Hotel; bawcer makan untuk dua orang di Tasek Brasserie, Sheraton Hotel; dua hadiah bawcer makan untuk dua orang di Restoran Aneka Rasa, penginapan satu malam di Centrepoint Hotel; mengingati satu malam di Orchard Garden Hotel dan dua bawcer makan untuk dua orang di Coco Beats Cafe dan mengingati satu malam di Empire Hotel and Country Club.

Pentarama merupakan persembahan pentas bergerak anjuran Jabatan Penerangan berkonsepkan 'menghibur dan menyebarkan maklumat' melalui prolog, drama, lawak jenaka, tarian dan nyanyian yang diadakan di keempat-empat daerah sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-57.

Lain-lain penaja bagi pengendalian Pentarama tahun ini termasuklah Foto Mas Studio & Lab, Sunlit Advertising, Shahzad Cafe Corner dan Azam Teknik, Printing & Trading Company.

PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut bergambar ramai bersama para penaja, ahli-ahli jawatankuasa dan para pemenang Kuiz Pentarama. - Gambar oleh Pengiran Rafea PDPHIM.

Pedoman

“**Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah agama Islam.**”
- (Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 19).

PMB membarigakan perkembangan serta usaha kerajaan

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Isnin, 20 Ogos. - Seramai 40 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan penduduk Kampung Merimbun, Kampung Benutan dan Kampung Rambai menyertai Program Masyarakat Bermaklumat selama dua hari, yang berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan, Kampung Rambai.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat yang dibacakan oleh Ahli Majlis Perundingan Kampung Benutan, Awang Haji Md. Hairol Mazlan bin Haji Abdul Razak.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Majlis yang antara lain mengharapkan agar program tersebut disambut baik dan dimanfaatkan sepenuhnya serta dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu bagi sama-sama menanai hasrat kerajaan dalam mendukung pelaksanaan Wawasan Negara 2035.

Terdahulu, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong menjelaskan program tersebut akan diisi dengan sesi lawatan dan taklimat dari pelbagai agensi seperti Sekreteriat Tetap Wawasan Brunei 2035,



UCAPAN alu-aluan daripada Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Majlis.

Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perikanan serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan akan diteruskan lagi dengan rombongan lawatan ke Jabatan Perdana Menteri bagi sesi pagi dan Jabatan Adat Istiadat Negara bagi lawatan sesi petang.

Juga hadir ialah Penghulu Mukim Rambai, Awang Khairul Nurul Arsyad bin Haji Abdul Malek merangkap Pemangku Ketua Kampung Merimbun; Ketua Kampung Benutan, Awang Haji Noralimin bin Sulong; Pemangku Ketua Kampung Rambai, Awang Muhammad Murat bin Haji Muhammad Jamin dan pegawai-pegawai serta kakitangan daripada Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa bergambar ramai bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung.

Para peserta PMB adakan lawatan ke Bangunan Lapau, JAIN

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Ogos. - Bangunan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) menjadi tumpuan lawatan peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) pada sesi sebelah petang dan seterusnya mendengarkan taklimat mengenai “Terasul dan Bahasa Pengganti Diri - Bahasa Dalam” yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awang Mohammad Zaizul bin Haji Daud.

Antara yang disampaikan ialah mengenai Pengertian Terasul; Terasul-terasul yang ada di Negara Brunei Darussalam; Tujuan terasul yang antara lain adalah sebagai memuliakan dan memberi penghormatan kepada seseorang.



PENDUDUK Kampung Merimbun, Kampung Benutan dan Kampung Rambai semasa membuat lawatan ke JAIN.

Pembarigaan Wawasan Brunei 2035 kepada para peserta PMB

Oleh: Nooratini Haji Abas

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Ogos. - Menjelang 2035, Negara Brunei Darussalam akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya yang diukur dengan taraf-taraf antarabangsa yang tertinggi.

Negara ini juga akan mempunyai kualiti kehidupan rakyat dengan hasrat menjadi sepuluh negara teratas di dunia menurut Indeks Pembangunan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Pegawai Ekonomi Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, JPM menggariskan perkara tersebut semasa Taklimat Wawasan Brunei 2035 pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Merimbun, Kampung Benutan dan Kampung Rambai bertempat di Mini Teater, Bangunan JPM.



PENDUDUK Kampung Merimbun, Kampung Benutan dan Kampung Rambai yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat melalui Jabatan Penerangan semasa mendengarkan Taklimat Wawasan Brunei 2035 di JPM.

Tujuan program tersebut adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan lagi perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan.

Peserta PMB didedahkan dengan usaha pelbagaikan ekonomi

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 21 Ogos. - Industri Pertanian dan Agrimakanan merupakan salah satu sektor utama yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan kepelbagaian ekonomi.

Sehubungan itu, seramai 40 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Merimbun, Kampung Benutan dan Kampung Rambai membuat pendakatan ke Pusat Penyelidikan Pertanian, Kampung Sinaut sebagai salah satu pengisian hari kedua dalam Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan.

Sebelum memulakan lawatan, peserta mendengarkan taklimat mengenai 'Industri Ternakan' yang disampaikan oleh Juruteknik Ternakan, Awang Haji Rosman bin Haji Asmat, di mana peserta didedahkan kepada jenis-jenis komoditi ternakan yang boleh diusahakan di bawah seliaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan penduduk Kampung Merimbun, Kampung Rambai dan Kampung Benutan meninjau ladang cili kepunyaan Syarikat ECO Nadi Agrobiz.

Manakala taklimat 'Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Sektor Tanaman' disampaikan oleh Pegawai Pertanian, Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar.

Sesi taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab dan lawatan ke Ladang Cili Syarikat ECO Nadi Agrobiz, Sinaut.

Program Sua Muka platform menyampaikan dasar kerajaan

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 23 Ogos. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Sua Muka (*Personal Contact*) yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong kali ini diadakan di kediaman Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz.

Rombongan program tersebut diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga dihadiri oleh beberapa pegawai dan kakitangan dari Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong.

Di era yang serba canggih ini, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk mempunyai laman media sosialnya. Orang ramai bolehlah mengikuti Facebook Jabatan Penerangan iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, Akaun Twitter: @infodept_bn

dan Akaun Instagram: @infodept.bn. Juga boleh memuat turun Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN bagi pengguna Apple dan Android.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa mengetuai rombongan tersebut.

Sentiasa mengingati Allah

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

RIMBA, Selasa, 21 Ogos. - Inti pati Kursus Bimbingan Penggerak Negara Zikir antara lain bagi melahirkan warga Perkhidmatan Awam yang bertakwa, iaitu sentiasa mengingati Allah.

Aktiviti berbentuk sosial, ekonomi, sahsiah mencerminkan agama Islam yang menjadi keutamaan.

Pegawai Latihan Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein selaku fasilitator kursus menyatakan demikian semasa ditemui pada kursus tersebut di IPA.

Kursus sedemikian jelasnya, bermula tahun 2010 dalam bentuk kuliah dan inisiatif cara penyampaian IPA memvariasikan pengisiannya dengan perbincangan, 'game' untuk lebih berkesan.

Katanya, jabatan-jabatan kerajaan dialu-alukan untuk memohon kursus dibuat secara 'in-house training' dan menghadapkan permohonan ke IPA.

Sementara bagi mereka yang bukan beragama Islam, IPA juga menyediakan kursus Rukun Akhlak Etika Kerja Perkhidmatan Awam.

IPA seterusnya berharap ilmu yang disampaikan sama ada dari segi teori, spiritual dan fizikal dapat diimplikasikan dan dipraktikkan ke dalam tugas harian.

Seramai 24 kakitangan Jabatan Penerangan mengikuti kursus tersebut yang mengandungi beberapa modul, antaranya Klinik Al-Fatihah yang disampaikan oleh fasilitator dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji



PEGAWAI Latihan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein selaku fasilitator ketika menyampaikan taklimat kepada peserta kursus.



ANTARA aktiviti yang dilaksanakan sepanjang kursus tersebut.

Hassanal Bolkiah, iaitu Awang Md. Fikri bin Haji Serbini dan Awang Adlan bin Haji Md. Yussof.

Selain itu peserta juga diberikan penerangan mengenai konsep Pelaksanaan Pembudayaan Membaca Al-Quran oleh Pegawai Pelatih, Dayang Akmal Aqilah binti Haji Md. Said.



SESI bergambar ramai bersama Pegawai Latihan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein selaku fasilitator.

Program RRP dekati remaja dengan perkembangan semasa

Berita dan Foto: Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Isnin, 27 Ogos. - Lebih daripada 380 penuntut Tahun 7, 9 dan 10 Sekolah Menengah (SM) Perdana Wazir berpeluang menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diadakan di Dewan SM Perdana Wazir, anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Eady Sardi bin Pehin Datu Derma Sakti Dato Paduka Haji Abdul Razak.

Program RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja, terutama bagi pelajar sekolah dalam usaha untuk menyebarkan maklumat semasa, selain berpeluang untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terbentuk pada satu kepimpinan yang sempurna.

Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Program diteruskan dengan tayangan video ‘Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara’, seterusnya diserikan dengan persembahan nyanyian ‘Sebarkan Ke Seantero Dunia’ disampaikan oleh Melvina Mahrin, 14, penuntut Tahun 9 dan persembahan tarian ‘Samalindang’ daripada para penuntut sekolah berkenaan.

Penuntut juga dihiburkan dengan lawak jenaka berunsur motivasi, nasihat dan pengajaran yang dihasratkan melahirkan minda positif, khusus buat penuntut.



PEMANGKU Penolong Pengarah, Jabatan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Eady Sardi bin Pehin Datu Derma Sakti Dato Paduka Haji Abdul Razak menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz Penerangan pada Program RRP.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Hajah Marhani binti Haji Abd. Rahman	Juruteknik Foto Tingkat I	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Mohammad Zul-Izzi bin Haji Duraman	Jurugambar Tingkat I	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Ramlah binti Md. Nor	Penyemak	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Dk. Siti Redzaimi binti Pg. Haji Ahmad	Pemberita	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmadi	Penolong Penyunting Tingkat III	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA

Mohammad Sahrizal bin Haji Said	Jurugambar Tingkat I	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Haniza binti Abdul Latif	Penolong Penyunting Tingkat III	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Haji Mirazman bin Haji Othman	Penterjemah	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Siti Mazfaizura binti Maikal	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Dk. Nur Effa Ryina binti Pg. Haji Hamdani	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Suhaili @ Saipol Bahri bin Haji Mat Zin	Pembantu Pejabat	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Norhasnah binti Haji Ahaim	Penyambut Tetamu/ Telefon Operator	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Asrin bin Mohammad Noor	Pembantu Pejabat	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Dk. Hajah Siti Mewartee binti Pg. Haji Kahar	Penyambut Tetamu	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Muhammad Abdul Kafi bin Haji Sulaiman	Penyelenggara Stor Tingkat III	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Julkifli bin Haji Rungging	Penyelenggara Stor Tingkat III	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Ak. Mohd. Noor Zainismandy bin Pg. Haji Ismail	Pembantu Pejabat	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Yahya bin Haji Jumat	Pembantu Pejabat 'Open Vote'	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Latifah binti Haji Mokti	Pembersih 'Open Vote'	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Julinia binti Mohd. Ali	Pembersih 'Open Vote'	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Marinah binti Jumat	Pembersih 'Open Vote'	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Salina binti Wahab	Pekerja Tingkat V 'Open Vote'	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA
Masnah binti Haji Md. Tamin	Pekerja Tingkat V 'Open Vote'	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Ogos 2018 (2 hari)	Bilik Kuliah 1.2 Aras 1, IPA

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelita-brunei.gov.bn>

<http://infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2383400 Faks: 2382242**